

KHUTBAH JUMAAT

“SEJARAH DIHAYATI, KEMAKMURAN DIKECAPI” (19 Julai 2024M/ 13 Muharam 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : “*Sejarah Dihayati, Kemakmuran Dikecapi*”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

22 Julai 1963 merupakan detik yang bersejarah, menandakan permulaan pemerintahan sendiri Sarawak. Pada 16 September

1963, Sarawak mencapai kemerdekaan yang sepenuhnya, apabila bergabung dengan Borneo Utara (Sabah) dan Persekutuan Tanah Melayu bagi membentuk Persekutuan Malaysia. Kemerdekaan yang dikehendaki sejak tarikh tersebut hingga kini adalah hasil perjuangan dan usaha bersungguh-sungguh, pengorbanan dan kesatuan hati para pemimpin dan rakyat Sarawak sejak bertahun-tahun sebelumnya yang perlu kita hargai dan syukuri.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Nikmat kemerdekaan ini bukan sekadar untuk diraikan, bahkan wajar dipertahankan dan diperkuuhkan. Generasi muda perlu dididik untuk mencintai dan menyanjungi sejarah bangsa dan negara sebagai suatu cabang tuntutan syiar agama Islam. Manakala sikap memandang ringan terhadap sejarah kemerdekaan ini membentuk generasi yang lemah. Perkara inilah yang diperingatkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nisa', ayat 9:

وَلِيَخْشَى الَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَافًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلَيَتَقْوُا
اللَّهُ وَلِيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا (٩)

Maksudnya: *Dan hendaklah takut (akan Allah daripada menganiayai anak yatim) oleh orang (yang menjadi penjaganya) sekiranya ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan berasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak*

mereka. Oleh sebab itu, hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka berbicara dengan tutur kata yang benar.

Imam Muslim *rahimahullah* ada menukilkan dalam kitab sahihnya, bahawa Saidina Abdullah bin Mas'ud *radhiallahu anhu* pernah mengungkapkan hal ini dalam ucapannya yang bermaksud :

“Orang yang berbahagia (beruntung) adalah orang yang mengambil nasihat (pengajaran) dari (peristiwa yang dialami oleh) orang lain.”

Dalam al-Qur'an Allah *subhanahu wata'ala* bersumpah dengan *al-'ashr* (iaitu masa) kerana padanya banyak terdapat peristiwa yang mampu menjadi bahan renungan dan ibrah bagi manusia. Itulah masa meraih keuntungan dan amal salih bagi orang yang beriman, serta masa memperolehi kerugian dan kebinasaan bagi orang yang berpaling dari petunjuk-Nya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sejarah dan peradaban Islam merupakan bahagian penting yang tidak mungkin dipisahkan daripada kehidupan kaum Muslimin, khususnya di Sarawak. Sejarah perkembangan Islam di Sarawak telah bermula sebelum kedatangan orang Barat ke alam Melayu lagi iaitu seawal abad ke-14 Masihi, dengan lebih tepat lagi setelah pengislaman Raja Awang Alak Bertatar pada tahun 1368 dan menggunakan gelaran Sultan Muhammad Shah, sultan pertama Brunei.

Apabila keluarga Brooke memerintah Sarawak, Islam tetap dipelihara oleh pemimpin Melayu dan ulama Islam di negeri ini.

Sebabnya, James Brooke telah memeterai perjanjian dengan Sultan Brunei pada ketika itu untuk mengekalkan undang-undang Islam. Dalam warkah pelantikan James Brooke pada 24 September 1841, James Brooke berjanji untuk tidak menyentuh hal ehwal agama Islam dan mengekalkan undang-undang adat Melayu ketika itu. Undang-undang Adat Melayu ketika itu merujuk kepada undang-undang Islam yang meliputi undang-undang jenayah Islam, undang-undang Muamalat Islam dan undang-undang kekeluargaan Islam. Atas sebab itu, perkembangan Islam di Sarawak dapat dipelihara dan diteruskan sehingga ke hari ini.

Antara tokoh yang telah berjasa dalam perkembangan Islam di Sarawak ialah Syarif Jafar di Negeri Lingga, Syarif Maulana di Negeri Kalaka, Syarif Sahabudin atau Sahab di Negeri Sadong, Syarif Mahdar atau Muhdar di Negeri Skrang, dan Syarif Masahor di Negeri Sarikei.

Selain itu, nama-nama besar seperti Datuk Hakim Keramat, Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Datu Imam Abang Morshidi, Mufti Haji Nawawi, Haji Daud Abdul Ghani dan Sayyid Junaidi al-Aydrus juga telah berjasa terhadap perkembangan dakwah di Sarawak.

Tokoh-tokoh ulama ini juga telah menyumbang kepada perkembangan Islam di Sarawak melalui penulisan kitab-kitab yang dipelajari dan dijadikan panduan bagi masyarakat Islam. Antaranya dalam bidang fekah ialah Kitab Pedoman Ibadat, karya Haji Daud bin Abdul Ghani. Dalam bidang akidah pula ialah Risalah Aqaid al-Iman yang dikarang oleh Sayyid Junaidi al-Aydrus yang merupakan

imam di Masjid al-Qadim, Sibu sekitar tahun 1950an. Beliau menggunakan kaedah Sifat 20 dalam karyanya ini.

Penekanan kepada ajaran Islam amat dititikberatkan oleh masyarakat Islam di Sarawak sejak dari dahulu lagi. Sejak kecil kanak-kanak didedahkan dengan ajaran Islam menerusi kaedah menghafaz, mengaji ayat-ayat al-Quran dalam bahasa Arab. Kelas-kelas mengaji al-Quran dan pengajian Islam telah ditubuhkan di kebanyakan perkampungan. Tradisi ini telah diberi penekanan hingga ke hari ini.

Oleh sebab itu, menjadi satu kewajipan ke atas kita semua untuk mensyukuri nikmat ini dan menghargai segala jasa dan pengorbanan semua tokoh yang telah berjasa kepada perkembangan syiar Islam dan kemerdekaan di negeri kita. Malah, amat penting bagi kita sebagai generasi pada masa kini dan generasi yang mewarisi kita kelak untuk mengetahui dan mengambil iktibar daripada sejarah yang telah ditempa oleh nenek moyang kita dalam usaha mereka memperolehi kemerdekaan dan memperkuuhkan syiar Islam yang kita nikmati kini.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kini, Kerajaan Sarawak telah menetapkan satu wawasan yang penting iaitu Sarawak menjadi sebuah negeri maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2030 melalui inovasi dan data, seluruh rakyat menikmati kemakmuran ekonomi, keterangkuman sosial, dan kelestarian alam sekitar. Wawasan ini akan dipacu melalui Strategi Pembangunan Pasca COVID-19. Oleh sebab itu,

sebagai umat Islam, antara perkara yang merupakan asas dan penting untuk kita turut serta dalam merealisasikan wawasan ini ialah:

Pertama, mengutamakan akidah yang betul dalam kehidupan. Sesungguhnya, akidah adalah aspek yang menjadi asas benteng kekuatan diri, keluarga dan masyarakat dalam menempuh cabaran-cabaran yang mendatang. Akidah yang mantap akan melahirkan amal kebaikan yang diamalkan secara sempurna, menyeluruh dan berterusan. Amal ibadah ini seterusnya dihayati dalam kehidupan sebenar dengan menterjemahkan nilai-nilai taqwa, ikhlas, amanah, bertanggungjawab, jujur dan sebagainya. Nilai-nilai yang terhasil dari ibadah-ibadah ini akan membentuk individu, keluarga dan masyarakat yang kasihkan agama, bangsa dan negara.

Kedua, menjaga perpaduan dan silaturrahim, berbaik sangka dan muhibbah sesama manusia. Islam menitikberatkan hubungan dan persaudaraan sesama manusia terutama sesama Islam untuk mencapai kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat. Imam al-Ghazali *rahmatullahi alaih* di dalam kitab *Ihya' Ulumiddin* menyatakan bahawa hubungan kasih sayang sesama manusia akan menumbuhkan cabang yang banyak, dan cabang-cabang itu pula akan membawa budi yang lebih banyak. Oleh itu, memupuk persefahaman dan amalan berbaik-baik sesama semua manusia adalah tanggungjawab umat Islam dalam mengekalkan ciri-ciri keamanan, kestabilan dan kemajuan di dalam negeri dan negara yang merdeka.

Ketiga, Pencapaian tahap pendidikan serta penguasaan ilmu dan teknologi yang paling terkini adalah sangat penting untuk mengisi kemerdekaan. Umat Islam perlu mempertingkatkan keupayaan diri dengan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mantap dan menyeluruh, khususnya dalam ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah, memiliki iman dan taqwa yang teguh, melaksanakan ibadah dengan sempurna, mempunyai peribadi yang mulia dan jati diri yang kukuh agar mampu bersaing, malah menjadi peneraju dalam segala disiplin keilmuan dan kemahiran.

Sebagai umat yang terbaik, umat Islam sepatutnya lebih berperanan sebagai penggerak utama dalam pembangunan dan kemajuan tamadun manusia sejagat. Oleh sebab itu, kita semua, terutamanya para belia Islam, hendaklah bersiap sedia dengan menimba ilmu dan kemahiran dengan secukup-cukupnya dan seluas-luasnya agar umat Islam dapat maju dan menjadi penyumbang, bukan sekadar penumpang kepada kemajuan yang dikehendaki.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan, antaranya:

Pertama: Sejarah seharusnya menjadi panduan kepada semua warganegara dan dihayati dalam diri masing-masing.

Kedua: Umat Islam hendaklah mensyukuri nikmat Islam dan

kemerdekaan yang dikecapi serta menghargai segala jasa dan pengorbanan semua tokoh yang telah berjasa kepada perkembangan syiar Islam dan kemerdekaan di negeri kita.

Ketiga: Umat Islam hendaklah terlibat dalam merealisasikan wawasan negeri melalui Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 dengan penghayatan akidah yang betul dalam kehidupan, menjaga perpaduan dan silaturrahim serta mempertingkatkan keupayaan diri dengan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Nisa', ayat 147:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
مَا يَفْعَلُ اللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِن شَكَرْتُمْ وَإِمْنَتُمْ وَكَانَ اللَّهُ شَاكِرًا عَلَيْمًا

Maksudnya : Allah tidak akan menyeksa kamu, sekiranya kamu bersyukur (akan nikmatNya) serta kamu beriman (kepadaNya). Dan (ingatlah) Allah sentiasa membalaas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadaNya), lagi Maha Mengetahui (akan hal keadaan mereka)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ . أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ رَبِّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ نَّا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita memperbanyakkan istighfar dan memohon keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengampuni segala dosa kita dan menerima segala amalan kita. Marilah kita juga berdoa untuk kebaikan umat Islam di seluruh dunia agar mereka sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala*.

Pada kesempatan ini, khatib menyeru agar bersama-sama memelihara amanah dan bertanggungjawab dalam menjaga kelestarian alam serta beretika ketika memandu kenderaan bagi mengelak bencana alam dan kemalangan yang boleh mengakibatkan kemasuhan harta benda dan tempat tinggal serta kehilangan nyawa. Hendaklah kita sentiasa dalam keadaan berwaspada bagi mengelakkan sebarang kemalangan dan bahaya menimpa diri dan orang lain, di samping menambah ilmu pengetahuan serta turut sama membantu pihak berwajib dalam memudahkan mereka melaksanakan tugas membantu dan meyelamat mangsa-mangsa yang ditimpa musibah.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْحُلْفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمَهْدِيْيَنَ، سَادَاتِنَا أَيُّهُ بَكْرٌ وَعُمَرٌ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada

mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَدْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.